

Lalang setinggi dua meter punca banjir



Parit besar dipenuhi semak dan rumput menyebabkan air melimpah masuk ke kawasan kilang waktu hujan lebat.

SEMENYIH – Lalang dan rumput yang tumbuh setinggi hampir dua meter memenuhi saluran longkang berdekatan Terminal Bas Semenyih Sentral dekat sini didakwa menjadi punca jalan utama di situ sering dinaiki air apabila hujan lebat.

Keadaan itu menyebabkan kawasan kilang minuman berdekatan turut ditakungi air separas lutut apabila air gagal mengalir dengan sempurna.

Pengurus sebuah kilang berhampiran, Hasnizal Mohd Saharudin berkata, tiada kerja pembersihan dilakukan pihak berkenaan di longkang tersebut lebih setahun lalu.

Sekali pandang longkang itu seolah-olah seperti kebun sayur dipenuhi tumbuhan menghijau sedangkan ia sebuah parit yang besar.

“Bila hujan... air tidak boleh mengalir akibatnya ia melimpah ke atas jalan dan terus masuk ke kawasan kilang. Perkara ini sudah diadukan namun tiada tindakan daripada pihak berkenaan,” katanya.

Hasnizal berkata, hampir keseluruhan sistem perparitan di kawasan itu dilihat dengan keadaan sama dan tiada perubahan.

Musim hujan lebat yang melanda kawasan itu kebelakangan ini menyebabkan pihaknya bimbang kerugian bakal ditanggung sekiranya air melimpah masuk lagi ke kawasan kilangnya.

“Saya minta sangat pihak berkenaan potong rumput di sini dan bersihkan longkang supaya air dapat mengalir sempurna,” katanya.